

BH PILIH 4A 18 (emel)

'Tak wajar salahkan Pak Lah'

84-18/3/2008

Ketua Pemuda Perak, Pahang mahu tsunami politik dipikul semua ahli Umno

Oleh Ridzuan Yop dan Irwan Shafrizan Ismail

KUALA LUMPUR: Dua ketua Pemuda Umno negeri semalam menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak serta menganggap tindakan Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahathir menulis surat mendesak Perdana Menteri meletak jawatan sebagai tidak wajar dan lebih bersifat peribadi.

Kedua-dua mereka, Ketua Pemuda Umno Pahang, Datuk Khairuddin Yakob dan Ketua Pemuda Umno Perak, Zainol Fadzi Paharuddin, berkata kejutannya berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-12 perlu dipikul bersama semua ahli Umno dan tidak wajar menyalahkan Perdana Menteri atas apa yang berlaku.

"Dalam keadaan parti baru saja

mengalami kejutan pilihan raya dan masih berduka, sememangnya tidak patut meminta pucuk pimpinan berhenti memimpin negara dan rakyat.

"Malah Perdana Menteri juga bukan melakukan dosa besar, hingga kita mendesak beliau melepaskan jawatan.

"Jadi sebagai sayap kanan Umno, Pemuda Pahang mahu beliau terus memimpin serta menyelesaikan perjuangan yang belum selesai," kata Khairuddin di Kuantan, semalam.

Khairuddin berkata, isu surat terbuka terbabit akan menjadi antara isu utama yang akan dibincangkan pada mesyuarat Pemuda Pahang malam semalam, termasuk prestasi pilihan raya lalu.

"Semua Ketua Pemuda Bahagian akan mengemukakan pandangan mereka berhubung prestasi pilihan raya baru-baru ini. Ini penting supaya kita dapat menilai pandangan serta cadangan daripada peringkat akar um-

bi, perkara yang boleh diperbaiki.

"Malah, pandangan ketua bahagian mengenai isu surat Mukhriz juga akan diminta sebelum dikemukakan pada mesyuarat Exco Pemuda," katanya.

Di IPOH, Zainol Fadzi mahu punca kemerosotan sokongan Melayu kepada BN dikenal pasti dan mencadangkan agar proses memulihkan sama-

“Parti baru saja berduka tidak patut meminta pucuk pimpinan berhenti memimpin negara dan rakyat”

Khairuddin Yaakob
Ketua Pemuda Umno Pahang

ngat perjuangan di kalangan pemimpin dan ahli Umno dilakukan segera.

Berikutan itu, beliau berkata, perselisihan di kalangan pemimpin dan ahli Umno perlu diminimumkan supaya tidak memburukkan keadaan.

"Pemuda Umno Perak juga berasakan tidak sesuai untuk mengadakan pemilihan di semua peringkat

“Ahli dan pemimpin perlu bermuhasabah diri mencari jalan sesuai menanam semula keyakinan Melayu terhadap Umno dan BN”

Zainol Fadzi Paharuddin
Ketua Pemuda Umno Perak

pada masa ini.

"Pemuda Umno Perak menggesa pucuk pimpinan menangguhkan proses pemilihan jawatankuasa di semua peringkat dalam parti sehingga ke satu tarikh bersesuaian," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Kenyataan akhbar itu dikeluarkan selepas mesyuarat khas badan perhubungan Pemuda Umno Perak yang diadakan di sini, kelmarin.

Zainol berkata, Pemuda Umno Perak juga mahu sikap meletakkan beban kesalahan kepada pucuk pimpinan parti dihentikan, sebaliknya semua ahli dan pemimpin perlu bermuhasabah diri bagi mencari jalan yang paling sesuai untuk menanam semula keyakinan orang Melayu terhadap Umno dan BN.

Beliau berkata, Pemuda Umno Pusat dan BN perlu menangani isu yang ditimbulkan Mukhriz dengan bijak-sana.